

## MONTELUKAST

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- Ubat ini digunakan untuk merawat dan mencegah serangan asma atau asma yang disebabkan oleh senaman dan resdung.

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- Ubat ini bertindak dengan menghalang bahan yang menyebabkan asma dan alahan.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?



#### A. CARA GUNA

- Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- Makan sekali sehari bersama makanan atau semasa perut kosong pada waktu malam.
- Untuk mencegah asma yang disebabkan oleh senaman, makan ubat sekurang-kurangnya 2 jam sebelum melakukan aktiviti senaman jika belum ambil ubat lagi pada hari tersebut.

#### B. JIKA TERLUPA

- Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.
- Ambil ubat segera kerana dos sekali sehari (setiap 24 jam). Sekiranya menghampiri masa dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- Simpan dalam paket asal bagi ubat yang belum digunakan pada suhu 25°C

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan (ubat ini turut terdapat dalam air susu ibu yang boleh memberi kesan kepada bayi).
- ✚ Bagi tablet yang dikunyah, ianya mengandungi bahan *phenylalanine*. Hubungi/maklumkan kepada doktor sekiranya pesakit sebelum ini mengalami phenylketonuria.
- ✚ Mengambil ubat Acetylsalicylic acid (Aspirin) kerana ubat ir boleh meningkatkan risiko kesan sampingan pendarahan.



### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini

# **AMARAN !!**

**SEKIRANYA**

**TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN**

**SILA  
RUJUK  
DOKTOR**

## **E. KESAN SAMPING UBAT**

■ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Sakit perut, pedih ulu hati, letih, demam, batuk, selsema, pening, sakit kepala, ruam.

■ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- mengalami pendarahan atau mudah lebam
- sakit pada otot dan sendi
- alergik ubat (bengkak pada muka/mata/bibir mulut serta susah menelan)
- susah bernafas
- ruam pada seluruh badan.
- perubahan pada sikap dan tingkah laku.

Rujukan:

- Drugs.com
- BNF 70
- Sisipan maklumat ubat

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---